



PENGUAT KUASA imigresen selamatkan pengawal keselamatan warga Nepal yang menjadi mangsa eksplorasi di Petaling Jaya.

## Selamat 6 warga Nepal dieksplorasi majikan

**Kuala Lumpur:** Enam pengawal keselamatan warga Nepal yang menjadi mangsa eksplorasi sebagai buruh paksa oleh majikan diselamatkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam serbuan di sebuah premis di Petaling Jaya, Selangor pada 27 Oktober lalu.

Ketua Pengarah JIM, Datuk Khairul Dzaimee Daud berkata, pemeriksaan dilakukan Bahagian Pencegahan Atipsom dan Amla Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya di sebuah premis kediaman yang dijadikan asra-

ma penginapan pekerja itu berdasarkan hasil maklumat dan risikan.

"Pemeriksaan di lokasi itu menemui enam lelaki warga Nepal berusia 30 hingga 40 tahun berada dalam premis itu yang dilihat dalam keadaan daif dan tidak selesa," katanya.

Khairul Dzaimee berkata, pihaknya turut memeriksa pejabat majikan dan beberapa dokumen dirampas selain wakil syarikat dibawa ke Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya untuk siasatan lanjut.